

BAB 10: SUMBER HUTAN

Instrumen Penilaian / GEOGRAFI

Praktis PT3

Bahagian A : Praktis Objektif

1. Apakah kepentingan pengurusan sumber hutan?
- I Mengelakkan kepupusan sumber
 - II Menambahkan pendapatan negara
 - III Menambahkan import bahan mentah
 - IV Menjamin bekalan sumber berterusan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

2. Maklumat berikut tentang kepentingan sumber hutan sebagai bahan mentah

- Membuat perabot dan papan lapis

Apakah sumber hutan yang diperlukan untuk tujuan di atas?

- A Kayu keras
- B Batang nibung
- C Rotan dan buluh
- D Daun mengkuang

3. Apakah fungsi hutan kepada masyarakat setempat?
- A Sumber makanan
 - B Melindungi kepelbagaian biologi
 - C Pembinaan kawasan ekopelancongan
 - D Mengekalkan keseimbangan ekosistem

4. Maklumat berikut merujuk kepada pengurusan sumber hutan.

- Menjaga tanah lembap khususnya hutan paya bakau yang mempunyai pelbagai jenis kehidupan

Apakah kawasan tersebut?

- A Geopark
- B Taman negara
- C Tapak Ramsar
- D Hutan simpan

5. Apakah kesan pengurusan sumber hutan kepada alam sekitar?

- A Kejadian bakisan tahih
- B Keseimbangan ekosistem
- C Kepupusan flora dan fauna
- D Peningkatan kesuburan tanah

6. Apakah tujuan utama mewariskan taman negara?

- A Memelihara flora dan fauna
- B Menjaga kualiti kayu balak
- C Meluaskan kawasan pemburuan
- D Menghadkan kegiatan pembalakan

7. Berikut ialah usaha pemeliharaan dan pemuliharaan sumber hutan

- Berkonsept teknologi hijau
- Bandar dalam taman

Apakah usaha pemeliharaan dan pemuliharaan sumber hutan tersebut?

- A Geopark
- B Taman negara
- C Tapak Ramsar
- D Pembangunan lestari

8. Maklumat berikut adalah peranan sebuah agensi berkaitan sumber hutan.

- Melindungi hidupan liar di Malaysia

Apakah agensi tersebut?

- A PERHILITAN
- B Jabatan Alam Sekitar (JAS)
- C Sahabat Alam Malaysia (SAM)
- D Institut Penyelidikan Perhutanan (FRIM)

9. Apakah peranan WWF?

- A Memelihara kepelbagaian biologi
- B Melaksanakan polisi hutan negara
- C Mengurus perdagangan sumber hutan
- D Menggalakkan perlindungan tanah lembap

BAB 11: KITAR SEMULA

Instrumen Pentaksiran / GEOGRAFI

Praktis PT3

Bahagian A : Praktis Objektif

1. Apakah yang dimaksudkan dengan 3R?
- A Guna semula, kitar semula, perbaiki
 - B Kurangkan, fikir dahulu, kitar semula
 - C Guna semula, kitar semula, fikir dahulu
 - D Kurangkan, guna semula dan kitar semula

2. Pernyataan berikut merupakan aktiviti
- Menggunakan semula barangan secara berulang kali untuk mengurangkan penghasilan sisa.

Apakah elemen kitar semula yang berkaitan dengan pernyataan di atas?

- A *Reuse*
- B *Reduce*
- C *Recycle*
- D *Rename*

3. Amalan-amalan yang berikut boleh menjimatkan penggunaan

- E-mel
 - Pesanan ringkas (SMS)

- A kain
- B kaca
- C kertas
- D plastik

4. Apakah kepentingan kitar semula?
- I Menjimatkan sumber semula jadi
 - II Mengurangkan kesan rumah hijau
 - III Menggalakkan amalan jimat berbelanja
 - IV Meningkatkan jumlah pengeluaran sisa
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

5. Apakah kesan amalan kitar semula terhadap penggunaan sumber semula jadi?
- A Menjimatkan sumber semula jadi
 - B Mengurangkan harga sumber semula jadi
 - C Mengurangkan eksport sumber semula jadi
 - D Menambah aktiviti penerokaan sumber semula jadi

6. Apakah fungsi tong sampah dalam foto berikut?



- A Mengumpul sisa pepejal untuk dibakar
- C Mengasingkan sisa pepejal mengikut kategori
- B Mengasingkan sisa pepejal mengikut tarikh luput
- D Mengumpul sisa pepejal untuk dikutip oleh pihak berkuasa

7. Di manakah program kitar semula berikut dilaksanakan?

- Program Waste 21
 - Program Cukai Sisa

- A Jepun
- B Jerman
- C Sweden
- D Denmark